

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI
DATUK HUSSEIN ONN, SEMPENA
MENYAMBUT ULANGTAHUN KEMERDEKAAN
MALAYSIA YANG KE-19, (TAHUN 1976)
PADA 30hb OGOs, 1976 JAM 8.30
MALAM MELALUI RADIO/TV.

S/

PERDANA MENTERI



**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



No Siri	209
No Penerimaan	24/78

34/76
JUL 1978

Saudara-saudara sekalian,

Hari esok, ia itu Hari Selasa, 31hb Ogos, seluruh rakyat Malaysia akan menyambut Hari Kebangsaan Negara kita.

2. Perayaan Hari Kebangsaan tahun ini, jatuh dalam bulan Ramadhan, ia itu bulan yang amat mulia di sisi umat Islam. Saya mengucapkan syukur ke hadzrat Allah s.w.t. kerana sekali lagi kita dapat merayakan ulangtahun kemerdekaan yang ke 19, dengan penuh perasaan bangga, keazaman, dan ketabahan. Oleh itu, di samping kita orang-orang Islam berpuasa, bertaqwa kepada Tuhan, rakyat Malaysia seluruhnya wajiblah menambahkan kekuatan dan ketabahan untuk menghadapi masa depan negara kita.

ini

3. Hari Kebangsaan/kita anggap hari bertuah, oleh sebab kita yakin pada saat itulah, rakyat dan negara dapat bertindak, membulatkan kekuatan, untuk menentukan haluan negara kita.

4. Perayaan Hari Kebangsaan ini, adalah yang pertama kali bagi saya menghadirinya, sebagai Ketua Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, saya lebih lebih bersyukur, kerana dalam tempoh beberapa bulan, semenjak saya diamanahkan memegang teraju kerajaan, beberapa perkara penting telah berlaku, dalam negara kita.

Perkara inilah yang hendak saya kemukakan untuk menjadi cabaran, dan untuk menjadi kewajipan kepada setiap rakyat di negara ini, yang mempunyai setia yang tidak berbelahbagi.

5. Perkara yang paling utama sekali ialah soal keselamatan, berikutan dengan bertambahnya aktiviti pengganas komunis dan gulungan-gulungan subversif, yang mengambil kesempatan dari perubahan politik di rantau ini. Kedua, ialah masaalah pembangunan negara, kerana Kerajaan telah pun melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga, yang mendapat sokongan penuh dari rakyat. Ketiga,^{ialah} masaalah chauvanism yang membangkitkan perasaan tidak puashati terhadap usaha-usaha kerajaan.

Saudara-saudara sekalian,

6. Tempoh setahun yang lalu, merupakan bulan bulan yang bersejarah bagi rakyat dan negara kita. Rakyat telah sama-sama berbangga dengan perlantikan dan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong Yang Keenam, dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Kita juga telah sama-sama merasa sedih dengan berpulangannya ke Rahmatullah, Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang dikasihi. Kita juga telah melihat kemajuan-kemajuan di bidang politik dalam negeri, dengan kemasukan tiga buah parti politik ke dalam keluarga Barisan Nasional. Demikian juga, kita telah mendapati terjalannya perpaduan politik yang lebih kukuh, antara parti-parti yang

mendukung kerajaan. Perkembangan ini sesungguhnya telah membawa persefahaman yang mendalam, serta perhubungan yang lebih erat, di kalangan rakyat negara kita, yang berbilang bangsa.

7. Negara juga telah menyaksikan berakhirnya Rancangan Malaysia Kedua, yang telah membawa hasil yang memuaskan. Rancangan tersebut telah meletakkan asas yang kukuh bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, yang bertujuan menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat, tanpa mengira kaum dan keturunan, di mana juga mereka berada. Ia juga bermaksud untuk menyusun semula masyarakat supaya kekayaan negara dapat dinikmati oleh semua pihak, dan meningkatkan kerjasama.

8. Di bidang hubungan luar negeri, negara kita terus meningkatkan usaha bagi memperteguh ikatan kerjasama, dengan negara-negara sahabat, samada mengenai kepentingan serantau, mahupun dalam bentuk bilateral. Dalam kontek ini, saya telah membuat lawatan ke negara-negara jiran, ia itu Indonesia, Singapura, Negeri Thai. Saya juga mengadakan kunjungan muhibbah ke negara sahabat, ia itu Arab Saudi dan Negeri Burma. Semua lawatan ini bertujuan untuk menyambung ikatan persahabatan, yang telah dijalin kukuh oleh Allahyarham Tun Razak, serta menyatakan keyakinan dan kesanggupan kita untuk menerus dan meningkatkan kerjasama itu.

9. Mengenai kerjasama serantau, khususnya ASEAN, saya telah mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan Negara-negara ASEAN di Bali, pada bulan April yang lalu. Hasil sidang ini menunjukkan beberapa kemajuan yang bermakna telah dicapai dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial.

10. Bagitu juga halnya mengenai hubungan dengan negara-negara Islam, negara-negara Komanwel dan negara-negara Berkecuali atau Non-aligned. Boleh dikatakan dasar luar negara kita yang bebas dan berkecuali, telah banyak membawa menafaat kepada Malaysia. Berkat hasil usaha inilah, kita telah dapat mengekal dan meningkatkan lagi imej Malaysia di mata dunia antarabangsa.

11. Menyebut tentang negara-negara Non-aligned, saya telah berpeluang menghadiri Sidang Kemuncak Negara-negara itu di Sri Lanka baru-baru ini.

Sungguhpun usaha Malaysia supaya Deklarasi Kuala Lumpur, untuk menjadi/rantau Tenggara Asia sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali, dimasukkan dalam Deklarasi Politik Persidangan itu, telah dihalang oleh tindakan negara Laos dan sekutunya, tetapi, pada hemat saya, ini bukanlah bermakna konsep tersebut tidak diterima oleh sebahagian besar negara-negara berkecuali. Terbantutnya usaha tersebut, tidaklah melemahkan usaha kita, atau mengurangkan keyakinan kita, terhadap konsep non-aligned serta perjuangannya.

Matlamat kita ialah untuk mengusahakan supaya konsep itu, akan menjadi satu kenyataan dan diterima oleh kuasa-kuasa besar. Apa yang kita harapkan dari perpaduan negara-negara berkecuali ini ialah, ia menjadi satu kuasa ketiga, memperimbangkan kepentingan kuasa-kuasa besar dengan negara membangun, yang menentang penindasan dan kezaliman. Perpaduan negara-negara berkecuali hendaklah tegak bebas dari pengaruh satu-satu kuasa, atau diperalatkan oleh golongan yang mahu menyuburkan fahaman atau ideologinya. Malaysia memandang berat kepada usaha memesonqkan tenaga negara berkecuali ini kepada satu-satu bloc, kerana sekiranya hal ini berlaku, tidak dapat tiada teras kekuatan non-aligned itu akan terjejas.

Saudara-saudara sekalian,

12 Sempena menyambut ulangtahun Hari
Kebangsaan ini, perlulah kita menoleh kebelakang,
di samping memandang kehadapan terhadap keadaan
negara kita, dari semua segi. Dari hasil yang
telah dicapai oleh kerajaan, tidak boleh
sesiapa menafikan dalam tempoh 19 tahun merdeka,
kita telah mencapai banyak kemajuan di semua
bidang, khasnya di segi pembangunan. Dari
sebuah negara yang dijajah, kita telah bangun
menjadi sebuah negara yang merdeka dan dihormati
oleh semua negara. Sumbangan Malaysia kepada
politik dan ekonomi dunia adalah besar, dan
ini adalah menjadi kebanggaan kepada kita
semua.

13. Kerajaan telah melancarkan program pembangunan melalui satu demi satu rancangan, untuk memenuhi aspirasi rakyat mencapai matlamat penting ia itu, keamanan, kemakmuran, kebahagiaan dan keadilan. Hasil dari rancangan-rancangan itu, saya percaya, rakyat telah dapat merasa nikmat kemerdekaan itu, sedikit sebanyaknya.

14. Namun demikian, matlamat yang kita tuju masih belum tercapai. Ramai rakyat yang masih dalam kemiskinan. Untuk membela nasib mereka itulah, Rancangan Malaysia Ketiga ditujukan. Saya sedar bahawa harapan rakyat sangatlah tinggi. Rakyat juga patut faham bahawa kerajaan adalah bersungguh-sungguh dalam tugasnya itu.

Semuanya ini menjadi cabaran yang tetap kita hadapi dan akan terus dihadapi, dalam tahun² yang akan datang. Untuk menghadapi cabaran inilah, kita berkehendakkan keyakinan yang kuat, keazaman yang tinggi, semangat dan ketahanan yang kukuh, serta juga perasaan sabar dan toleransi dari semua pihak. Dengan izin Allah, saya yakin, cita-cita itu akan tercapai.

Saudara-saudara sekalian,

15. Saya telah menyebutkan tiga soal penting yang kita hadapi. Pada hakikatnya, ini bukanlah masalah baru. Dalam sejarahnya, negara kita telah menghadapi, serta dapat mengatasi, cabaran yang besar, ia itu keadaan dzarurat dalam tahun 1948 hingga 1960; konfrontasi dari regime

dalam tahun

Sukarno, 1963; dan akhirnya, kita telah menempoh peristiwa 13 Mei, yang telah menggoncang sistem politik negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

16 Dalam zaman dzarurat dulu, kominis telah menggunakan slogan anti-penjajahan, sebagai asas perjuangan mewujudkan pemerintahan kominis di negara ini. Dengan tektik itu, mereka telah memujuk gulungan-gulungan yang tertentu supaya menyokong mereka menentang penjajahan. Tetapi, pemimpin dan rakyat negara ini tidak mudah tertipu dengan helah kominis ini. Sebaliknya, rakyat telah berjuang menentang mereka ini, di samping menuntut kemerdekaan. Kita yakin selagi rakyat Malaysia amnya, dan orang2 Melayu

khasnya, cintakan hidup secara demokrasi dan berpegang teguk kepada ajaran agama, kominis tidak ~~lah~~ ada peluang bertapak, apatah lagi menuasai negara ini.

Saudara sekalian,

17. Kita telah berjaya mengatasi cabaran dan krisis di masa lepas, kerana kuat keyakinan kita untuk mempertahankan kedaulatan dan hak kita. Demikian juga, kita telah mengatasi setiap persoalan negara, kerana kepercayaan pada keutuhan negara, kepada keyakinan dalam sistem dan cara hidup kita. Di samping itu, terdapat pula semangat kewaspadaan dan muhibbah yang ternyata semasa menghadapi peristiwa 13 Mei dulu. Watak-watak inilah, yang menjadi asas ketahanan negara atau national resilience dan seterusnya ketahanan rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

18 Thema perayaan Kemerdekaan kita ialah, KETAHANAN RAKYAT atau PEOPLE'S RESILIENCE. Dari hakikat dan pengalaman di masa lepas, wajarlah watak-watak yang menjadi asas ketahanan negara dan rakyat itu, dipupuk pada setiap masa. Kepercayaan kita ^{kepada} ~~pada~~ keutuhan negara hendaklah sentiasa tersemat dalam jiwa setiap rakyat. Pada hemat saya, kepercayaan kukuh itulah, faktor penting yang mendorong kita menjadi penggerak, sentiasa berusaha dan merancang untuk masa hadapan negara, di samping menjalankan usaha pembangunan dan seterusnya. Pengalaman kita dalam mengatasi cabaran pada masa lampau, telah membuktikan bahawa negara kita ^{top} tetap teguh, serta mempunyai masa depan yang amat cerah sekali.

Saudara-saudara sekalian,

19. Sejajar dengan tekad mengukuhkan ketahanan rakyat, kita hendaklah berpegang kepada keyakinan dalam asas dan sistem hidup yang kita amali. Pada hakikatnya, kita telah maju dan berkembang atas sistem hidup demokratik dan berkesusilaan itu. Pada keseluruhannya, sistem hidup kita sangat sesuai dengan tradisi dan keimanan kita. Dari pengalaman manusia, memang diakui tidak ada sistem yang benar-benar lengkap. Oleh itu, di mana yang kurang, perlu dibaiki dan disesuaikan. Umpamanya, sistem free enterprise yang menjadi asas ekonomi negara, telah diubahsuaikan, disulam dengan penglibatan kerajaan dalam usaha mengimbangkan kedudukan ekonomi rakyat.

20. Memang menjadi tabiat manusia bersikap pessimistis, selalu memandang kepada benda yang burok, yang kurang atau yang gagal. Sikap seperti ini, sungguhpun ada kalanya mendatangkan kebaikan, ^{tetapi} ~~kerana~~ _{kerana} jika ini dijadikan cabaran hidup, boleh mendorong kita untuk maju dan mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Akan tetapi, perasaan tidak puashati, jika diamalkan dari segi negatif, boleh menimbulkan merbahaya dan angkara, kerana sifat-sifat chauvanis yang melampau, berpunca dari perasaan tidak puashati dan tidak menerima hakikat kebenaran.

21. . Sebaliknya, janganlah kita pula lupa kepada kejayaan yang di capai. Janganlah kita lupa kepada hakikat negara yang mempunyai penduduk berbagai kaum. Janganlah kita lupa ^{usaha} ~~bagi~~ mengkaji pelaksanaan dasar kerajaan dari segi yang luas, untuk memelihara dan mengimbangkan kepentingan semua pihak. Oleh itu, pada Hari Kebangsaan ini, rakyat patutlah meninjau kemajuan yang kita sama-sama nikmati, setelah menimbang keadaan di sekeliling kita. Saya yakin, rakyat tentu bersetuju bahawa kejayaan masa lepas, telah dapat memperkuatkan keyakinan kita menghadapi masa depan negara. Malaysia telah menjadi negara utama pengeluar getah, kelapa sawit dan lain-lain. Ini bukan datang secara tiba-tiba, tetapi adalah dengan usaha, perancangan dan dedikasi kita sendiri.

Saudara sekalian,

22. Mengenai soal keselamatan, kita berdepan dengan musuh yaitu pegganas kominis, ejen-ejen mereka serta gulungan chauvanis:-

yang cuba memecahbelahkan kita;

yang cuba mengikis keyakinan kita

kepada sistem hidup yang kita amali;

yang cuba memusnahkan keyakinan

mengenai keutuhan negara kita;

yang cuba melemahkan iman dan kepercayaan

kita kepada ajaran ugama dan menghadapi

cabaran hidup;

yang cuba menanamkan perasaan tidak

puashati dengan kejayaan yang telah

kita capai dan sama-sama rasai.

23. Semuanya ini menjadi cabaran yang perlu kita tempoh, yang perlu kita atasi, dengan segala kekuatan kita. Saya yakin rakyat yang taat, tidak akan menyerah kalah. Oleh itu, rakyat hendaklah bersama-sama memperkuat keyakinan, kepercayaan dan atas kebolehan kita, dalam menghadapi musuh itu.

Saudara sekalian,

24. Negara sangat terhutang budi kepada seluruh anggota pasukan keselamatan iaitu, tentera dan polis, serta pasukan-pasukan yang lain, yang sentiasa berkorban menghapuskan anasir jahat ini. Setiap anggota pasukan keselamatan, telah menunjukkan keberanian dan kesediaan mereka mengorbankan tenaga dan jiwa mereka, demi mempertahankan kemerdekaan negara kita.

25. Telah sampailah masanya bagi semua rakyat, dari semua keturunan, memberikan kerjasama yang lebih positif dan bermakna, membantu pasukan keselamatan kita mengawal ketenteraman dan menghapuskan musuh.

26. Selaras dengan ini, kerajaan tetap akan mengambil tindakan keras terhadap mana-mana golongan yang menyokong, melindungi musuh-musuh ini, tanpa mengira kedudukan mereka. Saya rasa bangga bahawa sambutan rakyat terhadap rancangan mengawal keselamatan seperti Rukun Tetangga adalah sangat memuaskan. Usaha ini perlu diperluaskan. Dengan cara ini, rakyat boleh memberikan sumbangan mereka, bukan sahaja dalam bidang mengawas anasir subversif, tetapi juga penjenayah, pengedar dan pengisap dadah, yang sangat merbahaya kepada

negara dan masyarakat kita. Ini merupakan satu tanggungjawab rakyat untuk berbakti kepada negaranya.

Saudara sekalian.

27. Mengenai pelaksanaan rancangan pembangunan, kerajaan berkehendakan semua pihak, iaitu rakyat dan kakitangan kerajaan, memainkan peranan masing-masing, bagi menentukan pelaksanaannya berjalan dengan licin dan lancar. Kepada pegawai dan kakitangan kerajaan, mereka hendaklah ^{menjadikan} ~~menjadi~~ tugas ini sebagai satu kewajipan yang perlu dihasilkan dengan jujur dan penuh dedikasi. Rakyat hendaklah sama-sama menyaksikan supaya tidak ada penyelewengan, dalam apa bentuk jua.

28. Saya juga ingin mengingatkan Kesatuan Sekerja Kakitangan Kerajaan supaya jangan menjadikan kelambatan kerajaan pada menimbangkan soal kenaikan gaji, sebagai issue untuk merengankan tugas

mereka. Kerajaan sedar akan implikasi yang boleh timbul dari tuntutan dan pelaksanaan ^{perakuan} Suruhanjaya Ibrahim Ali itu. Bagaimanapun, kerajaan memerlukan satu tempuh yang cukup, untuk menghalusi setiap perakuan, khasnya pada mengimbangkan kedudukan ekonomi dan kewangan, disamping menentukan akibat yang akan timbul dari segi politik dan ekonomi negara. Bagaimanapun, sebagai tanda timbangrasa, Kerajaan telahpun bersetuju untuk menyambung semula pembayaran bonos kepada pegawai kerajaan yang bergaji \$1,001 keatas, dengan jumlah pembayaran maksima seribu ringgit sahaja.

Saudara sekalian

29. Tema perayaan Hari Kebangsaan tahun lalu ialah "Masyarakat Berdikari". Tema itu menyeru semua lapisan rakyat menguatkan daya usaha, berdiri atas kaki sendiri. Tema tahun ini ialah "Ketahanan

Rakyat", yang menghendaki setiap rakyat meninggikan disiplin, meninggikan kecekapan kerja, membetulkan sikap supaya berfikir dan bertindak secara positif. Dengan sifat-sifat ini akan lahir ketahanan rakyat, yang bererti satu tenaga dan kekuatan berpadu, bagi menghadapi semua masaaalah negara.

30. Saya mengajak saudara-saudara sekalian supaya memikir dan mengamalkan perkara ini dengan serious. Sejajar dengan ini, dalam masa akan datang, seluruh rakyat diharap dapat memperteguhkan ketahanan mereka dalam menghadapi masaaalah masyarakat dan negara.

31. Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan terimakasih kepada setiap rakyat Malaysia yang telah memberikan sumbangan terhadap menjayakan perayaan Hari Kebangsaan, di semua tempat, khasnya di Ibu Negara. Saya juga ingin mengucapkan terimakasih kepada pemimpin-pemimpin negara sahabat, yang telah menyampaikan ucapan selamat sempena Hari Kebangsaan kita ini.

32. Akhirnya, saya mengajak saudara-saudara supaya bangun, bersatu dan berazam, kerana dengan sifat yang saya sebutkan tadi, rakyat akan terus berusaha bagi menwujudkan satu masyarakat Malaysia yang aman, adil dan bersatupadu.

33. Sambil merayakan Hari Kemerdekaan negara kita, marilah kita membaharui azam dan tekad, untuk terus berusaha menambahkan ketahanan rakyat bagi mencapai cita-cita membena Malaysia yang makmur dan bahagia, sejajar dengan Rukunegara.

Terimakasih.



PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



JUL 1978

**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



34/76
JUL 1978

No Siri	209
No Penerimaan	24/78